

FPP BizNewz

January - May 2025

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

DIGITAL MARKETING
in a digital age

BRAIN DRAIN

A Point of View in Malaysia

**MENTAL
HEALTH**

Bagaimanakah Penularan

**PLANKTON
MERBAHAYA**

*Memberi Kesan kepada
Usahawan Pesisiran Pantai*

**BUKIT
LUNING**



**PERANAN
MAJIKAN
DALAM
MENANGANI
TEKANAN KERJA
PEKERJA**

BUBU NAGA

Sekat Rezeki Nelayan Tradisional

**MOTIVATING
MINDS**

*How Lecturers Can Use Positive
Reinforcement to Boost*

HUTANG
Kawan atau Lawan?

Unik tapi Benar
KANTUNG MADU KELULUT BERBEZA

RINTANGAN INSULIN

Punca, Risiko dan Hubungannya dengan Diabetes

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date

1 June 2025

TIP PERNIAGAAN: MEMILIH ENTITI PERNIAGAAN DI MALAYSIA

● Milikan Tunggal ● Perkongsian ● Syarikat ● Perkongsian Terhad

WAN FATIMAH HANUN BINTI WAN MOHAMAD SAFERDINI, IZYAN FARHANA BINTI ZULKARNAINI, NURUL AQMAL BIN ROSLANI, SITI MAHANISAYU BINTI MARHABANI, UMMI FARHANI BINTI FIRDAUS

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK, SARAWAK, MALAYSIA



Jika usahawan merancang untuk mengusahakan perniagaan bersama rakan kongsi, perniagaan perkongsian adalah pilihan yang paling mudah sebagai permulaan. Perniagaan perkongsian wujud apabila dua orang atau lebih bergabung kemahiran, modal, kepakaran dan lain-lain sumber untuk menjalankan perniagaan. Jumlah maksimum rakan kongsi bagi perniagaan perkongsian adalah 20. Seperti milikan tunggal, ia juga boleh didaftarkan secara atas talian dengan kos pendaftaran yang masih rendah. Perniagaan ini sangat fleksibel kerana rakan-rakan kongsi boleh mengatur syarat-syarat dan terma-terma perniagaan melalui perjanjian perkongsian yang dipersetujui. Walaubagaimanapun, ia juga mempunyai liabiliti tanpa had seperti milikan tunggal. Secara umumnya, semua rakan kongsi adalah bertanggungjawab ke atas hutang dan liabiliti perniagaan yang boleh diperluaskan kepada aset dan pendapatan peribadi mereka.



Di Malaysia, terdapat empat jenis entiti perniagaan yang berbeza iaitu milikan tunggal, perkongsian, syarikat dan perkongsian terhad. Adalah amat penting bagi usahawan untuk mengetahui dan memahami ciri-ciri, kelebihan dan kekurangan setiap entiti perniagaan supaya mereka membuat pilihan yang tepat dan bersesuaian dengan matlamat perniagaan.

Entiti perniagaan yang paling popular adalah milikan tunggal iaitu perniagaan yang dimiliki oleh seorang pemilik sahaja. Ia merupakan entiti perniagaan yang paling ringkas dan mudah untuk dibentuk. Oleh itu, ia sesuai bagi usahawan yang ingin memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Perniagaan ini boleh didaftar secara atas talian dengan yuran pendaftaran yang rendah melalui EzBiz iaitu pendaftaran atas talian yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Oleh kerana hanya ada satu pemilik, pemilik tersebut mempunyai kawalan penuh ke atas perniagaan. Walaubagaimanapun, liabiliti pemilik ke atas hutang perniagaan adalah tanpa had. Sekiranya perniagaan gagal atau mufliis, pihak pemiutang boleh menuntut sehingga ke atas aset dan pendapatan peribadi pemilik tunggal.



Syarikat pula merupakan badan korporat yang dikawal selia di bawah Akta Syarikat 2016. Ia sesuai untuk perniagaan yang lebih besar dan memerlukan modal yang lebih tinggi. Syarikat persendirian boleh dibentuk dengan jumlah sehingga 50 orang pemegang saham manakala syarikat awam boleh dibentuk dengan jumlah lebih daripada 50 orang pemegang saham. Perniagaan ini juga boleh didaftarkan secara atas talian. Namun, yuran dan prosedur pendaftaran adalah lebih tinggi dan rumit. Tidak seperti milikan tunggal dan perkongsian, syarikat merupakan entiti yang berasingan daripada pemegang-pemegang sahamnya. Oleh itu, liabiliti pemegang-pemegang saham adalah terhad. Secara umumnya, tiada liabiliti peribadi bagi pemegang-pemegang saham kerana syarikat yang bertanggungjawab ke atas hutang dan liabiliti perniagaan.



Perkongsian terhad pula merupakan satu lagi entiti perniagaan yang mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2012. Ia mempunyai ciri-ciri perkongsian dan ciri-ciri syarikat. Rakan-rakan kongsi menikmati liabiliti terhad seperti yang terdapat pada syarikat. Pada masa yang sama, mereka juga menikmati ciri fleksibel yang ada dalam perniagaan perkongsian di mana syarat-syarat dan terma-terma perniagaan boleh diatur melalui perjanjian perkongsian yang dipersetujui bersama. Yuran pendaftaran juga agak berpatutan iaitu di antara yuran pendaftaran perkongsian dan yuran pendaftaran syarikat.

Kesimpulannya, setiap entiti perniagaan mempunyai ciri-ciri, kelebihan dan kekurangan tersendiri. Pemilihan entiti yang bersesuaian bergantung kepada banyak faktor. Oleh itu, usahawan haruslah bijak mengatur langkah perniagaan dengan menyelidik setiap jenis entiti perniagaan sebelum mereka mula membuat keputusan yang amat penting.





BizNewz 2025
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com